

**TAJUK : CADANGAN MELANTIK SYARIKAT PENGURUSAN BANGUNAN DAN
AKTIVITI DI THE SPINE @ PJKITA, JALAN STADIUM SS 7/15,
PETALING JAYA.**

Sila ambil perhatian bersama-sama ini dilampirkan arahan-arahan berikut:-

Lampiran A	: Arahan Kepada Pembida	2
Lampiran B	: Syarat-syarat Am	8
Lampiran C	: Syarat-Syarat Wajib	13
Lampiran D	: Spesifikasi Kerja	16
Lampiran E	: Borang Keterangan Mengenai Syarikat	28
Lampiran F	: Borang Keterangan Mengenai Kewangan Syarikat	31
Lampiran G	: Butiran Cadangan Pengurusan Bangunan dan Aktiviti	32
Lampiran H	: Borang Kertas Cadangan Pengurusan Bangunan Dan Aktiviti Pembida	38
Lampiran I	: Senarai Kerja / Perkhidmatan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan	47
Lampiran J	: Surat Akuan Pembida	48
Lampiran K	: Surat Akuan Pembida Berjaya	49
Lampiran L	: Senarai Nama Sekretariat Jabatan Penilaian Dan Pangurusan Harta, MBPJ	50

LAMPIRAN A

ARAHAN KEPADA PEMBIDA

1.0 PERIHAL REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

- 1.1 Pelaksanaan RFP merupakan inisiatif dalam menjana hasil baru kepada Majlis bagi membangunkan tapak-tapak yang berpotensi dalam kawasan Petaling Jaya untuk dimajukan dengan kerjasama pihak swasta yang berminat melaksanakan projek pengurusan bangunan dan aktiviti berkonsepkan *win-win situation*.
- 1.2 RFP ini dilaksanakan bagi mendapatkan kertas cadangan daripada para pembida yang berminat merangkumi aspek seperti keupayaan kewangan, kepakaran teknikal, kepakaran khusus, pengalaman, teknologi moden, kemahiran mereka bentuk, kajian atau penyelidikan dan sebagainya.
- 1.3 Pembida yang berjaya dipilih berdasarkan syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang digariskan oleh Majlis akan dilantik untuk mengadakan kerjasama bagi pelaksanaan projek pembangunan mengikut seperti dalam borang penyertaan yang diiklankan.

2.0 HAK MAJLIS UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK RFP

Majlis adalah tidak terikat untuk menerima RFP dengan tawaran yang terendah/ tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu RFP. Keputusan Majlis adalah **MUKTAMAD**.

3.0 KERTAS KERJA CADANGAN RFP

- 3.1 Pembida **MESTILAH** membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen RFP serta menyemak kandungan dokumen RFP dengan teliti sebelum mengisi borang-borang yang diperlukan semasa penyediaan RFP. Setiap syarikat yang berminat untuk menyertai hanya boleh mengemukakan satu dokumen RFP dengan satu tawaran harga sahaja. Sekiranya terdapat lebih daripada satu dokumen RFP dikemukakan maka hanya dokumen yang terawal dibuka sahaja yang akan diterima untuk penilaian selanjutnya.
- 3.2 Borang RFP hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan termasuk lampiran dokumen sokongan perlulah dikepilkan dengan betul dan selamat agar tiada keciciran dokumen berlaku semasa penghantaran dibuat. Pembida dinasihatkan mengisi maklumat di dalam borang-borang RFP secara ditaip. Jika pembida mengisi secara tulisan tangan, pengisian hendaklah menggunakan **DAKWAT** yang tidak mudah luntur dan tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca. Sebarang kesilapan menyebabkan kegagalan penilaian dibuat bukan dibawah tanggungjawab Majlis.

- 3.3 Majlis tidak akan dipertanggungjawabkan untuk atau membayar apa-apa kos atau perbelanjaan atau kerugian yang dialami oleh pembida di dalam penyediaan atau penghantaran dokumen RFP ini.
- 4.0 BORANG KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT (LAMPIRAN E)
- 4.1 Pembida **MESTILAH** mengisi dan menandatangani borang ini dengan lengkap dan betul. Sekiranya borang ini tidak diisi, ditandatangani dan dicop oleh pemilik syarikat, tawaran pembida menjadi tidak sah dan dengan sendirinya akan **DITOLAK** tanpa sebarang pertimbangan.
- 4.2 Dokumen sokongan berkaitan perlulah dikemukakan sebagai bukti dan dilampirkan bersama semasa penghantaran dibuat.
- 5.0 BORANG KETERANGAN MENGENAI KEWANGAN SYARIKAT (LAMPIRAN F)
- 5.1 Pembida **MESTILAH** mengisi dan menandatangani borang ini dengan lengkap dan betul. Sekiranya borang ini tidak diisi, ditandatangani dan dicop oleh pemilik syarikat, tawaran pembida menjadi tidak sah dan dengan sendirinya akan **DITOLAK** tanpa sebarang pertimbangan.
- 5.2 Dokumen sokongan berkaitan perlulah dikemukakan sebagai bukti dan dilampirkan bersama semasa penghantaran dibuat.
- 6.0 BORANG KERTAS CADANGAN PENGURUSAN BANGUNAN DAN AKTIVITI PEMBIDA (LAMPIRAN H)
- 6.1 Pembida **MESTILAH** mengisi serta melengkapkan keperluan senarai semak untuk kertas kerja cadangan dan menandatangani borang ini dengan lengkap dan betul. Sekiranya borang ini tidak diisi, ditandatangani dan dicop oleh pemilik syarikat, tawaran pembida menjadi tidak sah dan dengan sendirinya akan **DITOLAK** tanpa sebarang pertimbangan.
- 6.2 Cadangan daripada pembida adalah sangat dialu-alukan berkenaan pengurusan bangunan dan aktiviti yang diiklankan. Adalah diingatkan, komponen utama pengurusan merupakan perkara **WAJIB** yang perlu dimasukkan dalam setiap kertas kerja cadangan yang dikemukakan manakala komponen cadangan lain bersesuaian boleh dicadangkan dalam projek pembangunan ini yang akan menjadi kelebihan kepada pembida untuk dipilih.

7.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

Semua pembetulan/ pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam borang-borang hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen RFP serta dicopkan dengan cop pembida (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentang dengan kesilapan yang dibetulkan/ dipinda dan hendaklah dibuat dengan jelas supaya boleh dibaca.

8.0 PENGHANTARAN DOKUMEN RFP

8.1 Pembida adalah dikehendaki mengemukakan dokumen RFP yang telah diisi dengan lengkap dan betul serta ditandatangani oleh pemilik syarikat. Senarai dokumen yang perlu dikemukakan semasa penghantaran dibuat adalah seperti berikut :-

- i. Borang Keterangan Mengenai Syarikat (Lampiran E).
- ii. Borang Keterangan Mengenai Kewangan Syarikat (Lampiran F).
- iii. Borang Kertas Cadangan Pengurusan Bangunan Dan Aktiviti Pembida berserta Kertas Kerja Cadangan (Lampiran H).
- iv. Senarai Kerja / Perkhidmatan Yang Sedang dan Telah Dilaksanakan (Lampiran I).
- v. Surat Akuan Pembida (Lampiran J).
- vi. Surat Akuan Pembida Berjaya (Lampiran K).
- vii. Perakuan Pendaftaran/ Pembaharuan Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) beserta maklumat syarikat.
- viii. Penyata Akaun Bank terkini syarikat (3 bulan).
- ix. Salinan profil syarikat yang lengkap menunjukkan pengalaman, kakitangan syarikat dan kepakaran berkaitan dengan tawaran RFP.
- x. Dokumen RFP yang mengandungi cadangan (komponen cadangan, pelan susunatur, pelan lantai, gambaran perspektif, dll), maklumat kaedah pengoperasian, kaedah pelaksanaan, kos kewangan terlibat, kaedah pemantauan, pulangan kepada Majlis dan lain-lain maklumat yang berkaitan dan perlu untuk diketengahkan termasuk aspek pengurusan secara keseluruhan.

9.0 PENYERAHAN DOKUMEN RFP

9.1 Dokumen RFP yang lengkap mengikut seperti di para 8.0 di atas hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bersaiz A4 atau A3 dengan cetakan berwarna dan ditanda pada bahagian atas sampul surat itu dengan butir-butir berikut :-

Tajuk RFP : **Cadangan Bagi Melantik Syarikat Pengurusan Bangunan Dan Aktiviti Di The Spine @ PJKita, Jalan Stadium SS 7/15, Petaling Jaya Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Alamat : **Pengarah
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Tingkat 11, Menara Majlis,
Jalan Tengah,
46200, Petaling Jaya,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

Tarikh Iklan : **22 Jun 2026**

Tarikh Tutup : **6 Julai 2026 sebelum jam 12:00 Tengah Hari**

Kadar Sewaan Rezab : **RM 21,000.00 sebulan tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).**

***Syarikat tidak boleh mencadangkan di bawah kadar rezab sewaan yang ditetapkan.**

Tempoh Sewaan : **21 Tahun (3+3+3+3+3+3+3 tahun)**

Pajakan Atas Warta : **Pemohon bertanggungjawab menanggung sepenuhnya kos pajakan atas warta (pembayaran sekali untuk 21 tahun) dan kos cukai tanah (dibayar sekali setahun), serta tidak dibenarkan menuntut kembali sebarang kos pembayaran daripada pihak MBPJ.**

Anggaran kos pajakan atas warta berjumlah RM350,000.00 atau nilai sebenar akan ditentukan oleh Pejabat Tanah.

“Anggaran kos yang dinyatakan dalam dokumen RFP ini hanyalah rujukan awal dan bukan jumlah muktamad. Nilai sebenar adalah tertakluk serta akan ditentukan oleh Pejabat Tanah.”

Pegawai Untuk : PMgr. Sr. Mohamad Afendy Bin Izahar
Dihubungi (afendy.izahar@mbpj.gov.my)

Cik Nurul Hidayah Binti Ahmad Yassin.
(nurul_hidayah@mbpj.gov.my)

No tel: 03-79545984/86
(jp-ph@mbpj.gov.my)

- 9.2 RFP yang dihantar dengan tangan hendaklah diserahkan di **kaunter Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 11, Menara Majlis, Jalan Tengah, 46200, Petaling Jaya, SELANGOR DARUL EHSAN** pada waktu pejabat tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. RFP yang lewat tidak akan diterima.
- 9.3 Majlis tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen-dokumen RFP yang dihantar sekiranya :-
- i. Hantar sendiri secara serahan tangan
 - Serahan dokumen RFP ke kaunter / lokasi yang salah
 - ii. Hantar secara pos / agen penghantaran
 - Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran
- 9.4 Segala kos yang terlibat berhubung proses penghantaran dokumen RFP adalah di bawah tanggungan pembida dan tiada sebarang tuntutan yang boleh dibuat ke atas Majlis.

10.0 LAWATAN TAPAK

- 10.1 Pembida adalah dinasihatkan supaya membuat lawatan tapak terlebih dahulu sebelum mengemukakan kertas kerja cadangan bagi membolehkan cadangan yang dibuat bertepatan dan bersesuaian dengan keadaan tapak dan persekitarannya.
- 10.2 Segala kos yang terlibat semasa lawatan tapak dibuat adalah di bawah tanggungan pembida dan tiada sebarang tuntutan yang boleh dibuat ke atas Majlis.

11.0 PERINGATAN MENGENAI RASUAH

- 11.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 11.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang

berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

- 11.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan syarikat atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 11.4 Mana-mana syarikat atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

12.0 PELAKSANAAN INTEGRITI PACT

- 12.1 Kesemua pembida yang menghantar dokumen RFP **MESTILAH** menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Dokumen Surat Akuan Pembida juga adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran pembida seperti di **Lampiran J**.
- 12.2 Pembida yang berjaya perlu menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Dokumen Surat Akuan Pembida Berjaya juga adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima seperti di **Lampiran K**.

13.0 TEMPOH SAH RFP

RFP ini adalah sah selama tempoh **Sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup RFP. Pembida tidak boleh menarik balik RFPnya sebelum tamat tempoh sah tersebut. Sekiranya pembida menarik diri dalam tempoh sah RFP atau sebarang tempoh yang dilanjutkan atau enggan menerima RFP setelah ditawarkan kepadanya, tindakan disiplin akan diambil terhadapnya termasuklah tindakan penggantungan selama dua (2) tahun sebagai syarikat dengan pihak kerajaan.

LAMPIRAN B

SYARAT-SYARAT AM

1.0 TAFSIRAN

1.1 Pegawai Penguasa

Pegawai Penguasa yang disebutkan dalam syarat-syarat RFP ini ialah Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Majlis memikul tanggungjawab Ketua Jabatan kemudian dari ini.

1.2 Wakil Pegawai Penguasa

Wakil Pegawai Penguasa ertinya mana-mana orang atau orang-orang yang telah diwakilkan atau dibenarkan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Penguasa untuk menjalankan mana-mana atau semua kewajipan Pegawai Penguasa.

1.3 Kerja

Kerja yang dimaksudkan adalah seperti dinyatakan dalam Borang Kertas Cadangan Pembangunan Pembida Lampiran F.

1.4 Syarikat

Syarikat ertinya orang atau orang-orang perkongsian firma atau syarikat yang membida tawaran ini untuk perkhidmatan/kerja dan telah di setujui terima dan 'syarikat' membawa erti dan termasuk wakil-wakil peribadi syarikat penggantinya dan mana-mana orang atau kumpulan orang lain yang kepadanya syarikat telah menyerahkan hak yang telah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa.

2.0 KONTRAK

Satu kontrak dikira mengikat diantara Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan syarikat yang RFPnya ini di setujui terima dan tertakluk kepada syarat-syarat RFP.

3.0 PERCANGGAHAN DALAM BORANG TAWARAN RFP

Syarikat hendaklah merujuk kepada Pegawai Penguasa untuk mendapatkan keputusan sekiranya syarikat mendapati apa-apa percanggahan dalam Borang Tawaran RFP.

4.0 MENGHALANG DARI MEMASUKI RFP

4.1 Dalam mana-mana hal pun Majlis tanpa menyentuh apa-apa hak lain berhak menghalang syarikat dari mengambil bahagian dalam mana-mana kerja yang dikendalikan oleh Majlis hingga satu masa mengikut budi bicara dan hanya apabila persetujuan bertulis Majlis telah terlebih dahulu diterima oleh Syarikat.

- i. Menarik balik RFP sebelum tamat tempoh sah RFP atau apa-apa tempoh lanjutan; atau
- ii. Mengenakan had, syarat atau perjanjian tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan RFP (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik RFP ini); atau
- iii. Jika syarikat enggan dan tidak meneruskan kerja-kerja dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat setuju terima RFP.

5.0 MENYERAH HAK KERJA

Keseluruhan kontrak yang dipersetujui syarikat di sini tidak boleh dipindah kepada mana-mana pihak yang lain, juga syarikat tidak dibenarkan menyerah hak sepenuhnya, sebahagian mahupun mana-mana bahagian kerja-kerja kepada syarikat-syarikat lain. Berkaitan dengan yang sama, syarikat memberi akujanjinya di sini tidak akan menyerah hak apa-apa faedah di bawah kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa.

6.0 PERATURAN PELAKSANAAN

Perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Borang Tawaran RFP Kerja ini dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.

7.0 ARAHAN PEGAWAI PENGUASA ATAU WAKILNYA

7.1 Syarikat hendaklah dengan serta merta mematuhi semua arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya untuk menyempurnakan dan menyiapkan kerja termasuk semua arahan untuk kerja-kerja tambahan dan pindaan.

- i. Majlis berhak melantik seorang pegawai yang akan bertanggungjawab, mengkaji, mengawasi perkembangan dan arah tujuan Kontrak yang dikendali oleh Syarikat dari semasa ke semasa (kemudian ini bergelar "Pegawai Penguasa").
- ii. Pegawai Penguasa, Pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantikannya, atau wakilnya adalah layak untuk mengeluarkan arahan, pesanan, apa-apa notis termasuk pindaan dan tambahan dan tidak terhad juga kepada notis penamatan kerja/kontrak ini, bagi pihak Majlis kepada syarikat, sama ada secara bertulis mahupun secara lisan.
- iii. Syarikat mengakui akan menuruti dan mematuhi segala arahan, pesanan, notis untuk pindaan dan/atau tambahan, dan apa-apa

notis sekalipun yang mungkin diterima daripada Pegawai Penguasa, pengganti dalam jawatan atau pegawai yang dilantikannya, wakilnya yang bertindak bagi pihak Pegawai Penguasa dan berkaitan dengan yang sama hendaklah (sekiranya terpakai) dengan serta merta mematuhi semua arahan, pesanan dan notis-notis yang dikeluarkan bagi menyempurnakan dan pelaksanaan kerja yang dikehendaki.

8.0 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA

Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja oleh syarikat yang tidak mematuhi spesifikasi, dan/atau lukisan. Bahan-bahan binaan dan kerja yang ditolak hendaklah diganti atau dibina semula dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh syarikat sendiri.

9.0 PEMATUHAN KEPADA GARIS PANDUAN PIAWAIAN PERANCANGAN DAN PERUNDANGAN MAJLIS

9.1 Syarikat perlu mematuhi keperluan Garis Panduan Piawai Perancangan seperti anjakan bangunan, penyediaan kawasan landskap 10%, keperluan golongan OKU dan lain-lain berkaitan.

9.2 Syarikat perlu mengemukakan pelan-pelan pembangunan (Pelan susunatur, Pelan Bangunan, Pelan Kerja tanah/ Pelan Jalan Dan Parit) yang berkaitan untuk kelulusan sekiranya kerjasama ini diterima.

9.3 Syarikat hendaklah mematuhi semua garis panduan dan undang-undang kecil yang berkenaan dan membayar semua yuran, caj dan lain-lain bayaran yang berkaitan. Syarikat tidak berhak menuntut sebarang kos atau bayaran tambahan berhubung dengan pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

10.0 KEGAGALAN SYARIKAT MENJALANKAN KERJA / ARAHAN DAN PENAMATAN PERLANTIKAN SYARIKAT

10.1 Majlis berhak menamatkan kontrak ini di atas sebab-sebab berikut dan setelah menerima Surat Amaran daripada Pegawai Penguasa ;

- i. Sekiranya syarikat masih gagal menjalankan kerja dan arahan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- ii. Kemajuan kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- iii. Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja oleh syarikat tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- iv. Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

- v. Apabila syarikat diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah; dan
- vi. Dalam hal sekiranya pengambilan kerja syarikat ditamatkan di bawah kontrak ini mengikut salah satu perenggan atau mana-mana perenggan campuran (sekiranya terpakai dari fasal (i) hingga (v) Majlis berhak :-
 - Menarik semula tawaran dan dengan demikian syarikat hendaklah memberhentikan kerjanya dan Majlis boleh menyiapkan kerja itu secara langsung atau mengambil bekerja dan membayar seorang syarikat atau mana-mana syarikat lain mengikut budi bicara mutlak Majlis tanpa perlu rujukan lagi kepada syarikat.

11.0 TEMPOH LIABILITI KECACATAN

- 11.1 Kedua-dua pihak menetapkan Tempoh Liabiliti Kecacatan yang dipersetujui bagi siap kerja kepada dua belas (12) bulan sahaja, dikira dari tarikh siap kerja. Dalam tempoh seperti tersebut, Syarikat hendaklah membaiki sebarang kecacatan yang mungkin timbul akibat kerja-kerja tersebut dengan seberapa segera. WALAU BAGAIMANA SEKALIPUN, tidak lewat dari tujuh (7) hari selepas diberitahu/penerimaan notis dari Pegawai Penguasa. JUGA ADALAH DIPERSETUJUI, tiada senarai kecacatan boleh dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa selepas tujuh (7) hari dari tamatnya Tempoh Liabiliti Kecacatan tersebut.
- 11.2 Di dalam keadaan sekiranya setelah pemberitahuan notis untuk pembetulan dan pemulihan kecacatan di serahkan kepada Syarikat, namun Syarikat gagal, enggan dan/atau mengabaikan untuk menyempurnakan yang sama dalam masa melebihi tempoh tujuh (7) hari yang dibenarkan mengikut para 11.0 (11.1) di atas, Syarikat memberi persetujuannya di sini bahawa, Pegawai Penguasa adalah berhak bagi mendapatkan khidmat daripada pekerja, syarikat, orang perseorangan yang lain atau sesiapa sahaja untuk menjalankan kerja-kerja pemulihan dan pembetulan dan dalam keadaan demikian segala kos, pembayaran dan upahan terhadap perkhidmatan seperti tersebut akan ditanggung sepenuhnya dan di kira sebagai hutang yang perlu di bayar dan/atau diselaraskan oleh Syarikat kepada Majlis.

12.0 SURAT-MENYURAT DARI PEMBIDA YANG TIDAK BERJAYA

Majlis tidak akan melayan sebarang surat-menyurat daripada pembida-pembida mengenai sebab-sebab RFP mereka tidak berjaya.

PENGESAHAN SYARIKAT

Syarat-syarat di atas telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....
Tandatangan & Cop Syarikat

Nama Penuh :

No K/P :

Alamat :

Tarikh :

LAMPIRAN C

SYARAT-SYARAT WAJIB

- 1.0 Tawaran ini adalah sebagai syarikat pengurusan bangunan dan aktiviti di The Spine @ PJKita, Jalan Stadium SS 7/15, Petaling Jaya.
- 2.0 Kertas kerja cadangan, maklumat dan lampiran dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pihak syarikat adalah tepat, benar dan terkini dan Majlis berhak membatalkan penyertaan dan keputusan tawaran ini sekiranya maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh pihak syarikat didapati tidak tepat dan tidak benar.
- 3.0 Syarikat mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam merancang, mengendali, menyelaras, memantau dan mempromosikan setiap aktiviti, serta menyelenggara dan mengurus keseluruhan bangunan beserta kemudahan-kemudahannya secara menyeluruh.
- 4.0 Syarikat mempunyai pasukan yang berkepakaran dalam bidang pengurusan bangunan seperti promosi dan pemasaran, pembersihan, penyelenggaraan dan lain-lain serta mempunyai pasukan yang berkepakaran dalam bidang teknikal meliputi kejuruteraan awam, sistem mekanikal dan elektrik, penyelenggaraan lanskap dan lain-lain.
- 5.0 Syarikat mempunyai pasukan atau jawatankuasa yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam bidang *Sustainability* terutamanya yang berkaitan program kelestarian alam, amalan-amalan baik dalam pembangunan mampan dan sebagainya.
- 6.0 Syarikat menjalinkan kolaborasi dan libat urus (*engagement*) bersama komuniti Petaling Jaya melalui perbincangan dan persepakatan dengan mengambilkira keperluan dan kehendak masyarakat Petaling Jaya bagi cadangan aktiviti dan program yang akan dilaksanakan di The Spine @ PJKita terutamanya bagi golongan kanak-kanak, remaja, belia, wanita, orang kurang upaya (OKU) dan sebagainya.
- 7.0 Syarikat menjalinkan kolaborasi dan kerjasama strategik bersama pihak korporat, swasta, NGO, komuniti dan lain-lain pemegang taruh yang menjalankan aktiviti, program, projek dan amalan baik berkaitan *Sustainable Development Goal's* (SDGs) berdasarkan 17 SDGs seperti butiran berikut :-
 - SDG 1 - No Poverty
 - SDG 2 - Zero Hunger
 - SDG 3 - Good Health & Well-Being
 - SDG 4 - Quality Education
 - SDG 5 - Gender Equality
 - SDG 6 - Clean Water & Sanitation
 - SDG 7 - Affordable & Clean Energy
 - SDG 8 - Decent Work & Economic Growth
 - SDG 9 - Industry, Innovation & Infrastructure
 - SDG 10 - Reduce Inequalities
 - SDG 11 - Sustainable Cities & Communities
 - SDG 12 - Responsible Consumption & Production

- SDG 13 - Climate Action
 - SDG 14 - Life Below Water
 - SDG 15 - Life on Land
 - SDG 16 - Peace & Justice Strong Institution
 - SDG 17 - Partnerships for the Goals
- 8.0 Syarikat dikehendaki menyediakan dan mengemukakan laporan cadangan konsep bagi keseluruhan perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan secara komprehensif seperti cadangan jenis perniagaan, cadangan pengurusan, aktiviti, susunan, perancangan 'cash-flow, masa operasi, promosi dan tempoh konsesi yang sesuai dengan keseluruhan konsep perniagaan seperti yang dinyatakan di bangunan seperti berikut :-
- Bangunan Annex (Tingkat Bawah, Tingkat 1 dan Ruang Legar)
 - Bangunan 2 Tingkat (Tingkat Bawah dan Tingkat 1)
 - 9 Unit Kontena
 - Ruang The Spine (Main Walkway)
 - Ruang Tempat Letak Kereta
 - Lain-lain aktiviti yang bersesuaian yang masih di dalam sekitar bangunan The Spine @ PJKita.
- 9.0 Syarikat dikehendaki membuat lawatan ke tapak PJKita @ The Spine dan melihat sendiri keadaan sediaada untuk mendapatkan maklumat atau gambaran yang lebih tepat sebelum membuat tawaran dan mengemukakan Kertas Kerja Cadangan mengikut senarai semak di LAMPIRAN H. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang perbelanjaan, kos atau kerugian oleh syarikat berkaitan dengan lawatan untuk memeriksa tapak cadangan. Majlis menganggap syarikat telah melawat tapak apabila mengemukakan laporan cadangan.
- 10.0 Syarikat sama sekali tidak dibenarkan memulakan apa-apa kerja atau membuat pengubahsuaian dan penambahan tanpa mendapat persetujuan, kebenaran dan kelulusan secara bertulis dari pihak Majlis terlebih dahulu serta hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang yang digunapakai oleh Majlis.
- 11.0 Syarikat sama sekali tidak dibenarkan untuk mengenakan caj atau sewaan seperti mengenakan tempat letak kereta berbayar, aktiviti berbayar di **kawasan hijau** dan lain-lain ruang yang dianggap bersesuaian iaitu selain ruang yang disenaraikan di **LAMPIRAN G : 6.0 CADANGAN PENGURUSAN AKTIVITI DAN OPERASI RUANG** tanpa kebenaran Majlis.
- 12.0 Sekiranya pihak Syarikat didapati telah melanggar atau mengingkari mana-mana syarat atau terma atau spesifikasi skop kerja yang dinyatakan dalam kontrak, Majlis berhak untuk samada mengenakan penalti / denda atau membuat penamatan terhadap kontrak ini.
- 13.0 Pemilihan syarikat adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan budi bicara pihak Majlis. Keputusan pihak Majlis bagi tawaran ini adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

- 14.0 Majlis berhak dari masa ke semasa selepas proses penilaian dan / atau selepas keputusan pemilihan syarikat dibuat meminta salinan apa-apa dokumen dan mengenakan apa-apa syarat tambahan.
- 15.0 Syarikat yang berjaya perlu menjelaskan bayaran sewa bulan pertama dan deposit penyewaan melalui kaedah deraf bank atas nama '**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**' atau secara atas talian melalui **ePay@Majlis** di portal rasmi Majlis Bandaraya Petaling Jaya menggunakan FPX atau Kad Kredit. Bayaran sewa bagi bulan-bulan berikutnya perlu dijelaskan sebelum atau pada 7 haribulan setiap bulan.
- 16.0 Syarikat bersetuju menandatangani Surat Aku Janji yang dimeterai oleh Suruhanjaya Sumpah untuk tidak mengambil apa-apa tindakan saman dan tuntutan gantirugi kepada pihak Majlis terhadap sebarang implikasi yang timbul dan kerugian yang ditanggung.
- 17.0 Syarikat yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran duti setem dan caj Perjanjian yang ditetapkan ke atas harga kontrak keseluruhan tidak termasuk cukai jualan dan perkhidmatan mengikut formula kadar caj Perjanjian yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya.
- 18.0 Tempoh kontrak pengurusan bangunan dan aktiviti di The Spine @ PJKita adalah 21 tahun (3+3+3+3+3+3 tahun).
- 19.0 Lanjutan kontrak sewaan selepas 3 tahun (36 bulan) pertama adalah tertakluk kepada prestasi serta pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis dan bukan secara automatik.

PENGESAHAN SYARIKAT

Syarat-syarat di atas telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....
Tandatangan & Cop Syarikat

Nama Penuh :

No K/P :

Alamat :

Tarikh :

LAMPIRAN D

SPESIFIKASI KERJA

1.0 SPESIFIKASI RUANG SEWAAN DAN AKTIVITI BANGUNAN THE SPINE @ PJKITA

BIL	BANGUNAN	KELUASAN
1.	Bangunan Annex	<p><u>Aras Bawah</u> 360.01m² / 3875.14ft²</p> <p><u>Tingkat 1</u> 248.70m² / 2677.00ft²</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ruang Legar 80 m² / 861.11 ft² • Bilik 1 81 m² / 871.88 ft² • Bilik 2 87.7 m² / 943.99 ft²
2.	Bangunan 2 Tingkat	<p><u>Aras Bawah</u> 107.72m² / 1159.48ft²</p> <p><u>Tingkat 1</u> 266.32m² / 2866.65ft²</p>
3.	9 Unit Kontena	<p><u>Keseluruhan Kontena</u> 153.60m² / 1653.36ft²</p> <p><u>Setiap 1 unit</u> 6 meter x 2.5 meter (20' x 8')</p>
4.	Kawasan Tempat Letak Kereta	<p><u>Perincian Luas</u> 356.21m² / 3834.21ft²</p> <p><u>Panjang</u> 70 meter (36 petak parking)</p>

2.0 SPESIFIKASI SKOP PERKHIDMATAN / PENGURUSAN BANGUNAN DAN AKTIVITI

2.1 Pengurusan Sewaan Bangunan

- i. Syarikat boleh mengemukakan cadangan jenis perniagaan, susunannya, masa beroperasi, promosi dan tempoh konsesi sesuai dengan keseluruhan konsep perniagaan.
- ii. Tempoh kontrak pengurusan bangunan dan aktiviti di The Spine @ PJKita adalah 21 tahun (3+3+3+3+3+3+3 tahun). Lanjutan kontrak sewaan selepas 3 tahun pertama adalah tertakluk kepada prestasi serta pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis dan bukan secara automatik.
- iii. Kenaikkan kadar sewaan sebanyak 7% bagi setiap 3 tahun atau berdasarkan cadangan syarikat bergantung kepada keputusan Majlis.
- iv. Syarikat harus membuat permohonan dan mendapatkan lesen terhadap setiap jenis perniagaan. Syarikat akan dikenakan bayaran lesen dan lain-lain caj mengikut aktiviti / jenis perniagaan yang dipersetujui dan ianya di bawah tanggungan syarikat.
- v. Syarikat harus mematuhi segala syarat yang dikenakan terhadap sebarang permohonan, arahan atau perkara-perkara yang melibatkan lain-lain jabatan teknikal Majlis. Sebarang kos / caj adalah di bawah tanggungan syarikat.
- vi. Perincian kerja-kerja dan kos pengurusan perniagaan hendaklah dinyatakan di dalam laporan cadangan.
- vii. Syarikat perlu memastikan tempoh penyewaan pihak ketiga tidak melebihi tempoh sewaan dengan pihak Majlis.

2.2 Pengurusan Aktiviti Bangunan

- i. Syarikat hendaklah mempromosikan The Spine @ PJKita bagi penggalakan aktiviti komuniti dan program anak-anak muda tempatan yang bergiat aktif dalam perniagaan berkonsepkan komuniti (community-oriented) dan e-sport.
- ii. Aktiviti yang dijalankan haruslah bertujuan bagi mengaktifkan penglibatan komuniti di pusat tersebut terutamanya dari golongan belia.
- iii. Syarikat boleh mengemukakan cadangan aktiviti sesuai dengan keseluruhan konsep perniagaan yang mengambilkira kriteria seperti berikut :-
 - a) Pusat Komuniti :
The Spine @ PJKita hendaklah dirancang sebagai sebuah hab komuniti kreatif yang inklusif, dinamik dan berdaya hidup,

selaras dengan aspirasi pembangunan bandar kreatif yang menekankan elemen inovasi, budaya, kreativiti dan kesejahteraan komuniti. Pembangunan ini berperanan sebagai ruang interaksi sosial, pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan bakat, kolaborasi komuniti serta penghasilan aktiviti kreatif.

Keutamaan diberikan kepada :

- Penyediaan ruang komuniti yang fleksibel, inklusif dan adaptif bagi menyokong pelbagai aktiviti kreatif, sosial dan pembangunan komuniti untuk kumpulan sasaran seperti kanak-kanak, belia, wanita, warga emas dan OKU. Ruang ini hendaklah berfungsi sebagai platform interaksi, ekspresi budaya, pembelajaran serta pengembangan bakat dan kreativiti masyarakat setempat.
- Pelaksanaan program komuniti berimpak tinggi seperti bengkel kemahiran dan kreativiti, program kesihatan komuniti, aktiviti kekeluargaan, keusahawanan kreatif, pembangunan bakat serta program sosial yang dapat memperkukuh kesejahteraan komuniti dan merencanakan ekosistem bandar kreatif.
- Penggunaan pendekatan *people-centric* dan *participatory* melalui penglibatan aktif komuniti, pemegang taruh dan rakan strategik dalam proses perancangan, reka bentuk serta pelaksanaan aktiviti dan program, bagi memastikan pembangunan yang responsif, inklusif dan memenuhi keperluan masyarakat setempat.
- Penyediaan persekitaran dan ruang awam yang selamat, mesra keluarga, mudah diakses dan kondusif bagi menggalakkan gaya hidup sihat, interaksi sosial, aktiviti budaya dan pengukuhan jaringan komuniti ke arah pembentukan bandar yang kreatif, berdaya hidup dan mampan.

Outcome yang disasarkan :

- Peningkatan kadar penggunaan dan pengaktifan ruang komuniti secara optimum melalui penganjuran pelbagai program kreatif, sosial dan komuniti yang mampu menarik penyertaan masyarakat pelbagai lapisan umur dan latar belakang.
- Pengukuhan jaringan sosial dan kolaborasi komuniti melalui interaksi yang lebih aktif, pembentukan kerjasama strategik serta penglibatan masyarakat dalam aktiviti budaya, kreativiti dan pembangunan komuniti setempat.
- Peningkatan tahap kesejahteraan komuniti serta pengukuhan sense of belonging terhadap kawasan setempat melalui penyediaan ruang yang inklusif, selamat dan berdaya hidup, sekali gus mewujudkan identiti komuniti yang lebih kukuh dan menyokong aspirasi bandar kreatif.

b) Pusat Perniagaan

Pembangunan ini juga berperanan sebagai pemangkin ekonomi setempat dengan menyediakan ekosistem perniagaan yang menyokong usahawan kecil, mikro dan sosial.

Keutamaan kepada :

- Penyediaan ruang perniagaan fleksibel seperti kontena, bazaar dan ruang F&B (aktiviti jenis memasak dan basah bagi perniagaan makanan adalah TIDAK DIBENARKAN kecuali makanan ready to eat).
- Keutamaan kepada usahawan tempatan, *startup*, *social enterprise* dan komuniti.
- Konsep “low barrier entry” untuk memberi peluang kepada peniaga kecil berkembang.
- Pengaktifan ekonomi melalui program seperti *weekend market*, *food festival* dan *pop-up retail*.

Outcome yang disasarkan :

- Peningkatan peluang ekonomi komuniti.
- Peningkatan kadar pengisian ruang perniagaan.
- Penjanaan hasil yang mampan kepada syarikat pengurusan dan Majlis.

c) Pusat Tarikan Pelancong / Bandar Kreatif

The Spine @ PJKita dicadangkan sebagai destinasi bandar kreatif dan tarikan pelancong tempatan (Urban Lifestyle Destination) yang unik di Petaling Jaya.

Keutamaan kepada :

- Pengisian elemen bandar kreatif seperti seni, muzik, gastronomi, kraf dan budaya.
- Penganjuran acara berkala seperti festival, persembahan seni, pameran dan aktiviti komuniti kreatif.
- Penggunaan reka bentuk spatial yang menarik (placemaking) bagi mewujudkan pengalaman ruang yang hidup.
- Penjenamaan sebagai “community lifestyle hub” atau “creative urban hub”.

Outcome yang disasarkan :

- Peningkatan Pengunjung dan daya tarikan kawasan.
- Pengiktirafan sebagai hotspot komuniti dan kreatif di PJ.
- Menyokong ekonomi malam (*night-time economy*)

d) Menyokong SDG / ESG / Climate Resilience

Pembangunan dan operasi hendaklah selari dengan prinsip *Sustainable Development Goals* (SDGs), ESG dan daya tahan iklim (*climate resilience*).

Keutamaan kepada :

- Penggunaan pendekatan *green and low-carbon operations* (contoh: pengurusan sisa, pengurangan plastik, tenaga cekap).
- Pengintegrasian elemen ESG dalam operasi dan pelaporan.
- Penyediaan program kesedaran komuniti berkaitan kelestarian, perubahan iklim dan gaya hidup lestari.
- Menggalakkan mobiliti mampan (*walkability*, akses pejalan kaki).
- Penggunaan bahan kitar semula dan konsep *adaptive reuse* (kontena)

Outcome yang disasarkan :

- Pengurangan jejak karbon operasi.
- Peningkatan kesedaran komuniti terhadap kelestarian.
- Penjajaran dengan agenda global dan positioning Majlis sebagai bandar mampan.

- iv. Segala aktiviti yang dijalankan haruslah mendapat persetujuan daripada Majlis sebelum sebarang aktiviti dijalankan.
- v. Perincian cadangan penganjuran aktiviti hendaklah dinyatakan di dalam laporan cadangan.

2.3 Pengubahsuaian Bangunan Dan Penambahan Binaan

- i. Syarikat sama sekali tidak dibenarkan melakukan atau memulakan apa-apa kerja pengubahsuaian dan penambahan tanpa mendapat persetujuan dan kebenaran secara bertulis dari pihak Majlis terlebih dahulu serta hendaklah mematuhi peruntukan undang-undang yang digunapakai oleh Majlis.

2.4 Pengurusan, Pembersihan Dan Penyelenggaraan Bangunan, Kemudahan Awam, Jalanraya Dan Kawasan Tempat Letak Kereta

- i. Syarikat bertanggungjawab untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan pembersihan yang menyeluruh secara komprehensif setiap hari di dalam dan di luar bangunan termasuk semua kemudahan awam serta harta benda dan peralatan-peralatan dengan menggunakan peralatan-peralatan dan bahan-bahan selamat dan sesuai.
- ii. Peralatan yang perlu diuruskan dan diselenggara melibatkan sekitar kawasan The Spine @ PJKita, semua peralatan / ruang sediaada atau tambahan termasuklah "ducts, piping line, conduit trunkings", lampu koridor, tangga dan lampu kecemasan, tandas, surau, alat pemadam kebakaran dan papan tanda, lantai, longkang-longkang di sekeliling bangunan (perimeter drain) dan sekeliling kawasan The Spine @ PJKita, kawasan tempat letak kereta dan jalanraya.

- iii. Perincian kerja-kerja dan kos pengurusan pembersihan bangunan, kemudahan awam, jalanraya dan tempat letak kereta hendaklah dinyatakan di dalam laporan cadangan.

2.5 Pengurusan, Pembersihan Dan Penyelenggaraan Landskap

